

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 14/9 / 2008

## Dr. Mahathir ditawarkan pimpin cawangan Proton City

Um - 14/9/2008

TANJONG MALIM 13 Sept. - UMNO Bahagian Tanjung Malim hari ini mempelawa bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyertai semula parti itu dan menawarkan kepada beliau untuk memimpin cawangan baru Proton City.

Ketuanya, Datuk Mohd. Khusairi Abdul Talib berkata, tawaran itu adalah sebagai menghargai peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir dalam membangunkan kereta nasional di negara ini.

"Ketika ini, saya selaku ketua UMNO bahagian masih tercari-cari si-apakah yang layak untuk memimpin cawangan Proton City.

"Sekiranya Tun bersetuju, beliau boleh menjadi ahli bahagian ini dan memimpin UMNO Proton City," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd. Khusairi berkata, ketika ini UMNO bahagian sedang dalam usa-

ha untuk menubuhkan UMNO cawangan Proton City, sebuah kawasan yang semakin pesat membangun, dan tidak ada masalah jika Dr. Mahathir sudi menerajui cawangan tersebut.

Katanya, peranan Dr. Mahathir memulakan industri kereta nasional melalui Proton yang diasaskannya pada pertengahan 1980-an begitu membanggakan rakyat.

"Kami berbangga dengan kereta Proton dan kereta nasional itu boleh bersaing di pasaran antarabangsa sehingga hari ini," katanya.

Beliau berkata, perkembangan Proton yang begitu pesat membawa kepada penubuhan kilang Proton di Tanjung Malim.

Mohd. Khusairi menambah, pembinaan Proton City (Bandar Proton) di sini adalah hasil peranan Dr. Mahathir selaku penaung dan penasihat Proton.